



Fakulti Teknologi Kejuruteraan jalin hubungan baik dengan FMM

Berita dan foto oleh:
MOHAMAD RUSYDI MOHAMAD YASIN

Dalam usaha menjalinkan hubungan baik dengan industri, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) mengadakan kunjungan dan pertemuan dengan ahli jawatankuasa Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) cawangan Pantai Timur di pejabat FMM di Kuantan sebagai satu usaha merapatkan hubungan khususnya di kalangan pemain industri di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Pertemuan diketuai oleh Dekan FKT, Prof. Madya Dr Zularisam Abd Wahid yang hadir bersama Ketua Program Teknologi Kejuruteraan Pembuatan, Mohamad Rusydi Mohamad Yasin, Penyelaras Jaringan Industri, Noor Intan Shafinas Muhammad dan Penolong Pendaftar, Emma Melati Burhanuddin manakala pihak FMM diwakili oleh Timbalan Pengerusi FMM, Dato' Haji Lahuree Sudiran, Sekretariat FMM, Hafizah Ismail dan wakil-wakil dari industri pembuatan Pantai Timur. Lawatan diadakan pada 17 April 2014 yang lalu.

Menurut Profesor Madya Dr Zularisam, objektif utama pertemuan ini adalah bagi memperkenalkan program-program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di universiti ini kepada

pihak FMM dan wakil-wakil industri.

“Pertemuan juga membincangkan berkaitan peralihan Panel Penasihat Industri (IAP) bagi program teknologi kejuruteraan dalam kalangan wakil industri di ECER.”

“Begitu juga dengan penempatan para pelajar Teknologi Kejuruteraan bagi menjalani latihan industri serta mengenal pasti potensi kerjasama dalam menjalankan kajian di antara industri-perkilangan di ECER dan UMP,” katanya yang ditemui selepas pertemuan.

Tambah beliau, hasil perbincangan ini juga beberapa aktiviti fakulti dengan kerjasama FMM telah dikenal pasti. Antaranya adalah siri lawatan ke industri-industri yang berkaitan bagi membincangkan bentuk hubungan kerjasama akademik dan kajian yang sesuai.

Selain itu, turut dibincangkan tentang komitmen kerjasama FMM dalam penganjuran seminar akademik yang bakal dianjurkan oleh fakulti di masa akan datang. Dengan kunjungan ini, Profesor Madya Dr Zularisam mengharapkan dapat meneroka lebih banyak peluang kerjasama yang dimanfaatkan kedua-dua pihak.